



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA TUAN HAJI BADERUL AMIN BIN ABDUL
HAMID
SETIAUSAHA BANDARAYA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM “SHARING SESSION”
BERKENAAN AUDIT DALAMAN SISTEM PENGURUSAN
BERINTEGRASI BERSAMA PIHAK BERKUASA
TEMPATAN (PBT) DAN AGENSI KERAJAAN ANJURAN
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**21 MEI 2024 (SELASA)
9.00 PAGI**

**AUDITORIUM MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Puan Asma Binti Othman

Ketua Unit Audit Dalaman MBSP Merangkap Pengerusi Program “Sharing Session” Berkenaan Audit Dalaman Sistem Pengurusan Berintegrasi Bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Dan Agensi Kerajaan

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berbahagia Dato’, Tuan-Tuan, Puan-Puan Dan Para Peserta Program

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu’alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, telah memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan yang baik pada hari ini untuk berkumpul dalam **Majlis Perasmian Program “Sharing Session” Berkenaan Audit Dalaman Sistem Pengurusan Berintegrasi Bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Agensi Kerajaan Anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai** di Auditorium Menara Bandaraya..

2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP, para peserta dari MBSP, YBhg. Dato’ / Tuan / Puan

dari Agensi-Agenzi Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dari seluruh Malaysia, Institusi Pengajian Tinggi dan para hadirin sekalian yang hadir untuk menjayakan program “sharing session” yang diadakan pada hari ini.

3. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada urusetia penganjuran program pada hari ini, iaitu Unit Audit Dalam MBSP yang telah bertungkus lumus memastikan program ini berjalan dengan lancar. Unit Audit Dalam memainkan peranan penting dalam pengurusan auditan dalaman Sistem Pengurusan di MBSP.
4. Tujuan Program “Sharing Session” ini dianjurkan adalah untuk membuka minda para peserta berkenaan kesedaran dan kepentingan sistem pengurusan dalam menguruskan perkhidmatan yang cekap dan berkesan serta cemerlang kepada orang awam dan *stakeholders* (pemegang taruh).
5. Selain itu, program ini juga bertindak sebagai platform untuk berkongsi bagaimana cara mengaudit sistem pengurusan dan mengenalpasti kelemahan serta kekurangan ketika mengaudit yang boleh menyebabkan auditan tidak berkesan dan untuk berkongsi komen-komen dari audit luaran atau badan pensijilan.

6. Tajuk-tajuk yang akan dibincangkan di dalam program perkongsian ini adalah cara mengaudit kewajipan pematuhan (*Compliance Obligation*) dan Penilaian Pematuhan (*Evaluation Of Compliance*), kaedah mengaudit Sistem Pengurusan Berintegrasi mengikut Piawaian ISO, pendekatan pengauditan berdasarkan risiko mengikut Piawaian ISO dan tanggungjawab Juruaudit Dalam dalam pelaporan berkaitan Agenda Matlamat Pembangunan Lestari / *Sustainable Development Goals* (SDGs).
7. Berkait dengan tajuk yang dibincangkan, kumpulan sasaran yang disasarkan untuk menyertai program ini adalah Juruaudit Dalam Sistem Pengurusan dan semua pihak yang berminat mengetahui berkenaan bagaimana mengaudit sistem pengurusan berteraskan ISO. Selain itu, penganjuran program ini merupakan pendekatan MBSP untuk bersama dengan rakyat bagi membolehkan perkhidmatan PBT dinikmati manfaatnya.
8. Sepertimana yang sedia maklum, kekangan di dalam sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah berkenaan kakitangan Pengurusan dan Profesional yang terhad, kumpulan kakitangan sokongan juga terhad. Malah ada Yang Dipertua yang berkongsi tanggungjawab antara PBT dan Pejabat Daerah. Terdapat juga kakitangan yang bukan ahli badan profesional seperti contoh ahli Institute Of Internal

Auditors Malaysia (IIA Malaysia) dan Malaysian Institute of Accountants (MIA) yang mana Juruaudit Dalam boleh mengetahui perkembangan terkini dan perubahan standard serta meningkatkan *Continuing Professional Development* (CPD). Selain itu, terdapat kakitangan Pengurusan dan Professional yang tidak mempunyai pendidikan profesional berterusan (*Continuing Professional Education / CPE*) yang boleh membantu organisasi dalam meningkatkan perkhidmatannya.

9. Oleh yang demikian, penganjuran program perkongsian seperti ini dapat meningkatkan kecermerlangan PBT sebagai Kerajaan Peringkat Ketiga yang dekat dengan rakyat. Program hari ini juga secara tidak langsung ke arah perkongsian bagi memastikan keseragaman fungsi di bawah bidang kuasa dan tindakan PBT adalah tidak lari dari objektif penubuhannya. Sebagaimana sedia maklum, matlamat pembangunan lestari merupakan hala tuju PBT. Oleh itu, pentingnya Juruaudit Dalam memantau pelaksanaannya.

10. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, dengan rasa berbesar hati dan dengan lafaz "**Bismillahirrahmanirrahim**" saya dengan ini merasmikan program '**Sharing Session**' Berkenaan Audit Dalaman Sistem Pengurusan Berintegrasi Bersama Pihak Berkuasa

**Tempatan (PBT) Dan Agensi Kerajaan, Anjuran Majlis Bandaraya
Seberang Perai (MBSP).**

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***